

PM nafi kos batal lebih tinggi daripada bina

KUALALUMPUR : Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menolak tanggapan kononnya kerajaan mengeluarkan perbelanjaan lebih tinggi membatalkan daripada membina sebuah jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

"Tak mungkin kos (membatalkan projek) lebih tinggi daripada membina jambatan itu. Anda cuba membuat andaian," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas laporan media baru-baru ini bahawa pembatalan projek jambatan akan menyebabkan kerajaan mengeluarkan kos RM1.12 bilion berbanding dengan kos sebenar membina sebanyak RM1.11 bilion.

Menurut laporan itu, kerajaan perlu mengeluarkan RM100 juta sebagai pampasan kepada kontraktor projek itu, Gerbang Perdana, RM470 juta untuk membina jalan bertingkat lapan lorong untuk dihubungkan ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin, premium tanah sebanyak RM380 juta yang dituntut oleh kerajaan Johor dan RM170 juta bagi kerja pembinaan awal.